

~~23~~ pusat tahanan hanya mampu muat 36,300 pesawat berbanding 1.1 juta PATI diburu

Pusat tahanan PATI dijangka sesak

Kosmo

PUTRAJAYA – Operasi besar-besaran Jabatan Imigresen untuk memburu dan menangkap kira-kira 1.1 juta pendatang asing tanpa izin (PATI) yang gagal mendapatkan *Enforcement Card* (E-Kad) menimbulkan persoalan apabila pusat tahanan imigresen di seluruh negara hanya boleh memuatkan kira-kira 36,300 orang pada satu-satu masa.

Angka itu cuma meliputi 3.3 peratus daripada jumlah keseluruhan PATI yang belum memohon E-Kad yang tamat tempoh permohonannya kelmarin sejak ia dilancarkan pada 15 Februari lalu.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali (**gambar kecil**) berkata, pihaknya akan memastikan proses penghantaran pulang PATI dilakukan segera bagi memastikan depot tahanan tidak sesak.

Menurut beliau, pihaknya telah mengisytiharkan pelaksanaan Hari-Hari Operasi bagi memastikan negara bebas daripada PATI.

“Pihak kami tidak mahu depot tahanan dipenuhi dengan PATI sehingga negara terpaksa menanggung segala keperluan termasuk makan dan minum sepanjang tempoh tahanan.

“Imigresen akan memastikan proses pendakwaan dapat dilakukan segera dengan bantuan pelbagai pihak supaya dapat mempercepatkan proses pengusiran kesemua PATI yang ditahan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo! Ahad* semalam.

Difahamkan, tiada tempoh yang

ditetapkan dalam proses penghantaran pulang PATI kerana ia bergantung kepada jenis kesalahan dan siasatan pihak imigresen.

Dalam satu kenyataan lain, Mustafar memberitahu, Jabatan Imigresen telah menahan 1,035 PATI yang gagal mendapatkan E-Kad dan 16 majikan dalam operasi besar-besaran di seluruh negara setakat pukul 1 petang semalam.

Katanya, kesemua PATI itu ditahan hasil pemeriksaan ke atas 3,393 warga asing di 155 premis di seluruh negara dalam operasi yang bermula tengah malam semalam.

Daripada jumlah itu, PATI warga Bangladesh mencatatkan jumlah tertinggi dengan 515 orang, diikuti Indonesia (135), Myanmar (102), Filipina (50), Thailand (5), Vietnam (2) dan lain-lain (226).

Kesemua PATI yang ditahan terdiri daripada 931 lelaki, 101 wanita dan tiga kanak-kanak.

Sementara itu, dalam operasi di Kota Bharu, Jabatan Imigresen negeri mendedahkan terdapat majikan dikesan memindahkan buruh asing ke Kelantan dari negeri-negeri lain tanpa sebarang dokumen sah bagi mengelakkan pekerja mereka dicekup pihak berkuasa.

Pengaruh Imigresen Kelantan, Wan Mohammed Saupee Wan Yusoff berkata, kebanyakan daripada 97 PATI yang ditahan di sebuah tapak projek perumahan di Kampung Badang, Pantai Cahaya Bulan di Kota Bharu semalam mengaku pernah bekerja di Kedah, Negeri Sembilan, Johor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sebelum diseludup ke Kelantan.

Di Kuala Lumpur, seramai 48 PATI warga Indonesia, Nepal, Myanmar, Bangladesh dan Vietnam ditahan antaranya kerana tidak memiliki E-Kad di enam



buah premis makan di dua pusat beli-belah di Setapak dan Jalan Duta.

E-Kad merupakan pengesahan sementara bagi menggantikan dokumen perjalanan yang sah untuk membolehkan warga asing yang tidak mempunyai dokumen terus bekerja di sini.

Bagaimanapun, hanya 25 peratus atau 161,056 PATI melibatkan 28,375 majikan

Imigresen buru 1.1 juta PATI belum buat E-Kad

Jabatan Imigresen telah memulakan operasi penghapusan terhadap orang-orang yang tidak mempunyai E-Kad. Operasi ini bermula pada 15 Februari 2017. Operasi ini bertujuan untuk memastikan negara bebas daripada PATI yang tidak mempunyai E-Kad. Operasi ini akan dijalankan di seluruh negara.

KERATAN Kosmo! semalam.

INFO Senarai pusat tahanan imigresen di Malaysia

- Depot Tahanan Imigresen Bekenu, Sarawak
- Depot Tahanan Imigresen Ajil, Terengganu
- Depot Tahanan Imigresen Pekan Nenas, Pontian, Johor
- Depot Tahanan Imigresen Semuja, Sarawak
- Depot Tahanan Imigresen Tanah Merah, Kelantan
- Depot Tahanan Imigresen Setia Tropika Johor Bahru, Johor
- Depot Tahanan Imigresen Belantik, Kedah
- Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil, Kuala Lumpur
- Depot Tahanan Imigresen Putrajaya
- Depot Tahanan Imigresen Juru, Bukit Mertajam, Pulau Pinang
- Depot Tahanan Imigresen Kemayan, Pahang
- Depot Tahanan Imigresen Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang, Selangor
- Depot Tahanan Imigresen Langkap, Perak
- Depot Tahanan Imigresen Lenggeng, Negeri Sembilan
- Depot Tahanan Imigresen Machap Umboo, Melaka
- Depot Tahanan Imigresen Pengkala Chepa, Kelantan
- Depot Tahanan Imigresen Semenyih, Selangor
- Pusat Tahanan Sementara Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah
- Pusat Tahanan Sementara Papar, Sabah
- Pusat Tahanan Sementara Sandakan, Sabah
- Pusat Tahanan Sementara Tawau, Sabah
- Lokap Tahanan Sementara Imigresen Shah Alam, Selangor
- Lokap Tahanan Sementara Imigresen Pelabuhan Klang, Selangor

*Setiap depot tahanan boleh memuatkan antara 1,000 hingga 2,000 orang tahanan manakala 500 orang di pusat tahanan dan 150 di lokap
(Sumber: www.globaldetentionproject.org)



DEPOT tahanan imigresen di seluruh negara tidak dapat menampung bilangan 1.1 juta PATI yang bakal ditangkap secara berperingkat-peringkat. – Gambar hiasan